



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 26 JANUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MELAKA PERKETAT TAG HAIWAN, DALAM NEGERI, UM-32	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	MELAKA SEDIA PERKETAT PEMAKAIAN TAG HAIWAN TERNAKAN, NEGARA, KOSMO-18	
3.	SISTEM PENGAIRAN CEKAP MAMPU ATASI SAWAH JERLUS, DALAM NEGERI, UM-5	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
4	338, 270 KG BERAS TEMPATAN DIEDAR DIPERLIS, DALAM NEGERI, UM-8	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN MALAYSIA (FAMA)
5.	HARGA AYAM MAHAL KERANA TARIF AIR NAIK, NEGARA, KOSMO-13	LAIN-LAIN
6.	AIR, HARGA AYAM PUN NAIK 1 FEBRUARI, DALAM NEGERI, UM-8	
7.	LIMA LEMBU TERBIAR DILELONG RM11,700, NEGERI-SH-27	
8.	PENTERNAK MAHU KERAJAAN PERTIMBANG NAIKKAN HARGA AYAM, NEGERI, SH-27	
9.	HASIL LAUT TERENGGANU MENINGKAT KETARA, TIMUR, HARAKAH-H17	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

## Melaka perketat tag haiwan ternakan

**JASIN:** Kerajaan negeri mempertimbangkan untuk memperketatkan pemakaian tag haiwan ternakan bagi memudahkan pihak berwajib mengesan pemilik haiwan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, perka-ra itu akan dibincangkan dalam jawatankuasa khas bagi menangani isu lembu terbiar.

Kata beliau, pemakaian tag itu penting untuk pengumpulan maklumat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri memandangkan masih ramai penternak tidak mendaftarkan ternakan mereka.

"Kita melihat peruntukan undang-undang jika mereka tidak tag lembu maka kita boleh ambil tindakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2024	KOSMO	NEGARA	18

## Melaka sedia perketat pemakaian tag haiwan ternakan

JASIN — Kerajaan negeri sedang mempertimbangkan untuk memperketatkan pemakaian tag haiwan ternakan terutama lembu bagi memudahkan pihak berwajib mengesan pemiliknya.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka, Dr. Muhammad Akmal Saleh berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa khas yang dijangka ditubuhkan pada minggu depan.

Katanya, pemakaian tag itu penting bagi mengumpul maklumat oleh jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri

memandangkan masih ramai pemerkir yang tidak mendararkan ternakan mereka.

"Kalau dapat tangkap (lembu) kita boleh tahu siapa pemiliknya, kita akan melihat peruntukan undang-undang. Jika tiada tag, mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang.

"Bagi pihak kerajaan negeri,

kita tahu berapa jumlah lembu yang diternak. Jadi kalau tiada tag, kita anggap haiwan itu terbiar," katanya pada sidang akbar selepas sesi lelongan haiwan ternakan di sini semalam.

Terdahulu, sebanyak lima ekor lembu yang ditangkap

dalam operasi pada 13 Januari lalu dilelong dengan jumlah lututan RM11,700. Harga tertinggi bidaan adalah RM3,500 bagi sekor lembu dan paling rendah RM1,600 seekor.

Tambahnya, satu operasi

besar-besaran akan dijalankan dalam waktu terdekat bagi menangkap lembu yang berkeliaran di seluruh Melaka.

Operasi itu dilaksanakan di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) dan diselarasaskan dalam jawatankuasa khas perkenaan.

"Jika pemilik gagal tampil atau

bayar denda, maka halwan tersebut akan dilelong," ujarnya.



SEBAHAGIAN lembu yang dilelong dalam sesi lelongan haiwan di Jasin semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

## Sistem pengairan cekap mampu atasi sawah jerlus

**KOTA BHARU:** Tanaman padi di negeri ini memerlukan satu sistem pengairan cekap dan semburu dalam usaha mengatasi masalah sawah jerlus.

Sistem itu mampu membantu meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi per hektar di kawasan jelapang dan luar jelapang sekali gus menyayuh seruan kerajaan dalam usaha memastikan keterjaminan makanan negara mencukupi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Ahli Lembaga Jemaah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kelantan Datuk Aini Jusoh berkata, sistem itu mampu mengawal aliran keluar-masuk air dengan baik serta sempurna mengikut keperluan semasa petak sawah.

"Apabila air dikeluarkan dari petak-petak sawah semasa padi sudah matang (proses menuai), tanah akan menjadi keras. Jika air masih ada, jentua sukar untuk memasuki petak-petak sawah kerana tanah masih lembut."

"Jadi pandangan saya, sudah

wasan seluas 25,149 hektar. "Dan segi pengeluaran pula KADA mampu mengeluarkan padi sebanyak 4 hingga 6 tan untuk satu hektar manakala kawasan luar jelapang sejauh LPP pula antara 3 hingga 5 tan bagi keluasan sama.

"Saya faham jika adanya sistem pengairan yang cekap berkenaan besar pengeluaran padi mampu ditingkatkan dengan lebih baik," ujarnya.

Dalam pada itu, Aini turut mengingatkan para pesawah turut diingatkan supaya tidak mengurangkan input yang tidak mendapat kelulusan kerajaan.

Katanya, hal ini kerana penggunaan itu boleh menyebabkan struktur tanah menjadi lembut sekali gus memberikan kesan kepada kerja-kerja menuai atau membajak.

**SISTEM pengairan cekap dan sempurna dalam usaha mangatasi masalah sawah jerlus akan meningkatkan pengeluaran hasil padi di Kelantan.** - **UTUSAN/ROHANA ISMAIL**



"Penggunaan jentera yang bersaiz sederhana di kawasan tanah jerlus perlu boleh dipraktikkan dalam usaha mengurangkan masalah tersebut," ujarnya.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan Lembaga Kempen Pertanian Kemulu (KADA) kehilangan hasil padi sebanyak 4,200 tan metrik pada 2022 berpunca masalah sawah jerlus membantarkan kemaslahatan 1,000 hektar. Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Besar KADA, Mohd. Faizul Mustafa berkata, jumlah itu berpandukan kepada pengeluaran hasil sebanyak 4.2 tan metrik bagi kawasan petak sawah seluas satu hektar.

"Kita (KADA) akui situasi itu (sawah jerlus) bukan sahaja menjejaskan pengeluaran padi malah memberikan kesan tidak baik kepada golongan pesawah.

"Walauipun kawasan itu boleh diusahakan, namun hasil tidak dapat dituai sepenuhnya.

Hal demikian ini kerana jen-

tua kita tidak dapat masuk ke

kawasan itu disebabkan oleh

masalah tersebut (sawah jer-

lus)," katanya.

ladang (LPP) seramai 3,712 petak yang mengusahakan padi di kawasan setius 11,355 hektar. Katanya, 7,648 pesawah pula mengusahakan pengeluaran hasil padi di bawah selian Lembaga Kemajuan Pertanian Kemulu (KADA) di ka-

punyi sistem pengairan cekap dan sempurna bagi memastikan masalah tanah jerlus tidak mengganggu pengeluaran hasil padi," katanya.

Aini memberitahu, di bawah selian Lembaga Pertubuhan Pe-

ngairan cekap dan sempurna dalam usaha mangatasi masalah sawah jerlus akan meningkatkan pengeluaran hasil padi di Kelantan.

- **UTUSAN/ROHANA ISMAIL**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

## 338,270kg beras tempatan diedar di Perlis

**KANGAR:** Sebanyak 338,270 kilogram beras putih tempatan (BPT) diedarkan ke negeri ini sejak September lalu menerusi pelaksanaan program Intervensi Pengedaran yang diuruskan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis.

Pengarah FAMA negeri, Mohd. Anzara Azizan berkata, bekalan beras itu akan habis diedarkan tidak sampai tujuh hari kerana permintaan tinggi.

Buat masa ini katanya, sebanyak 3,000 kampit beras diedarkan di pusat operasi FAMA negeri setiap minggu untuk diagihkan ke cawangan pemasaran FAMA, Jualan Agro Madani dan premis lain.

“Setakat ini, FAMA memang konsisten dalam membekalkan dan memasarkan beras tempatan malah melalui pemerhatian saya menerusi tinjauan ke premis peruncitan kami juga mendapati permintaannya tinggi,” katanya selepas Program Jualan Agro Madani Peringkat Perlis di Pejabat FAMA negeri, di sini, semalam.

Pada September tahun lalu, kerajaan bersetuju melaksanakan langkah intervensi sebagai usaha



**MOHD Anzara Azizan (kanan) meninjau bekalan beras tempatan yang dihantar ke pusat operasi FAMA, Kangar sebelum dipasarkan kepada pengguna. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD**

bagi meningkatkan bekalan beras di pasaran sebanyak 20 peratus.

Menerusi pelaksanaan itu, pengilang padi bersetuju memberi tambahan 20 peratus kuota padi kepada kerajaan melalui Padiberas Nasional Berhad (Berbas) selain memberi kuota tambahan sama kepada pemborong-pemborong bumiputera.

Mengulas lanjut, Mohd An-

zara berkata, orang ramai yang ingin mendapatkan bekalan beras boleh membuat pembelian menerusi Jualan Agro Madani, premis FAMA dan swasta dengan harga RM26 untuk 10 kilogram.

“FAMA juga hanya mengehadkan jualan beras mengikut lokasi dan kebiasaannya setiap orang dibenarkan pembelian antara satu ke dua kampit,” kata beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2024	KOSMO	NEGARA	13

Kos pengeluaran dijangka turut meningkat

## Harga ayam mahal kerana tarif air naik

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** – Harga ayam di pasaran dijangka naik susulan peningkatan tarif air di seluruh negara bermula 1 Februari depan.

Pengerusi Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan, Dr. Nasiman Sapari berkata, peningkatan kos utiliti itu bakal menjadikan kos pengeluaran sumber makanan itu meningkat daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

Jelas beliau, kos itu meliputi 7.2 peratus berbanding pengeluaran ayam RM6.53 sekilogram seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bakal meningkat antara 11 hingga 20 peratus.

"Justeru, kami jangka kos utiliti pengeluaran ayam dijangka meningkat sekurang-kurangnya 25 sen sekilogram.

"Kami berharap harga ayam boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram bagi menghadapi peningkatan kos dengan memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Nasiman, penternak kini perlu menanggung kos utiliti termasuk bil air dan elektrik sehingga RM10,000 bergantung kepada saiz reban.

Dalam pada itu, beliau mendedahkan sasaran pengeluaran ayam sehingga 140 peratus seperti ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2030 sukar dicapai dan memberbankan penternak berdasarkan situasi pengurusan dan kerentah birokrasi semasa.



GAMBAR fail seorang peniaga ayam standard menyusun untuk dijual kepada orang ramai di Ipoh, Perak baru-baru ini.

"Pengeluaran ayam negara menurun sehingga 39 peratus dalam tempoh 10 tahun dan tidak menunjukkan peningkatan apabila pengeluarannya berkurangan sekitar tiga juta ekor tahun lalu.

"Kini, pengeluaran sekitar 147 juta ekor setahun, manakala sasaran pada 2030 pula adalah 818 juta ekor setahun bagi memenuhi peningkatan keperluan 36 juta penduduk negara ini," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS), Idrus Zainal Abidin berkata, antara isu dihadapi para penternak tempatan lebih 10 tahun melibatkan isu kelulusan Keberanrah Merancang (KM) dari

pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap negeri.

"Ada penternak yang didenda RM20,000 yang dicaj setiap tahun (sebagai kesalahan berulang) sebab bina reban tanpa kelulusan KM. Sulit dapat kelulusan KM sebab perlu persetujuan 14 jabatan dan agensi kerajaan. Kos dikenakan pula sehingga RM60,000.

"Masalah ini berlarutan terlalu lama, ada antara kami yang bina reban dan jual ayam dahulu untuk tumpang kos KM," katanya.

Jelasnya, sekitar 80 hingga 90 peratus daripada lebih 1,000 penternak dipercaya bina reban tanpa KM sebab berdepan kerentah birokrasi dan kos yang tinggi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

# Air, harga ayam pun naik 1 Februari?

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL  
athir.ismail@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Para penternak ayam memberi amaran bakal berlaku kenaikan harga bahan makanan itu di pasaran berikutnya peningkatan tarif air di seluruh negara bermula 1 Februari ini.

Pengerusi Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan, Dr. Nasiman Sapari berkata, peningkatan kos utiliti itu dijangka menyebabkan kenaikan kos pengeluaran sumber protein tersebut daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

"Justeru, kami menjangkakan kos utiliti pengeluaran ayam dijangka meningkat sekurang-kurangnya 25 sen sekilogram. Jika tiada kenaikan harga, penternak akan berterusan berdepan tekanan yang ketika ini pun menghadapi penetapan harga daripada pembekal sekitar RM5.80 hingga RM5.90 sekilogram.

"Jadi, kami berharap harga ayam di pasaran boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram supaya penternak boleh menarik nafas bagi menghadapi peningkatan kos dengan memperoleh

pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2 sekilogram," katanya dalam sidang akhbar, semalam.

Beliau berkata, ketika ini penternak perlu menaggung kos utiliti termasuk bil air dan elektrik sekitar RM9,000 hingga RM10,000 bergantung kepada saiz reban.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan kerajaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) meluluskan kenaikan tarif air sehingga 22 sen bagi setiap meter padu bermula 1 Februari ini.

Dalam pada itu, Nasiman mendedahkan sasaran pengeluaran ayam sehingga 140 peratus seperti ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2030 sukar dicapai dan membekalkan penternak berdasarkan situasi pengurusan dan kerentah birokrasi semasa.

Dakwanya, pengeluaran ayam negara kini berdepan penurunan sehingga 39 peratus dalam tempoh 10 tahun dan tidak menunjukkan sebarang peningkatan apabila pengeluarannya berkurangan sekitar tiga juta ekor tahun lalu berbanding 2022.

"Ketika ini, pengeluaran ayam tempatan sekitar 147 juta ekor setahun sementara sasaran untuk dicapai pada 2030 pula adalah 818 juta ekor setahun bagi memenuhi peningkatan keperluan penduduk negara ini sekitar 36 juta orang.

"Untuk mencapai pengeluaran sedemikian, bermakna setiap tahun penternak kena tambah pengeluaran 143 juta ekor bagi mencapai sasaran tersebut, sedangkan pelbagai masalah dihadapi penternak termasuk kerentah birokrasi kerajaan," tegasnya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS), Idrus Zainal Abidin berkata, antara kerentah birokrasi dihadapi penternak tempatan lebih 10 tahun terutama isu kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap negeri.

"Ada penternak didenda RM20,000 setiap tahun (sebagai kesalahan berulang) sebab bina reban tanpa kelulusan. Sukar dapat kelulusan KM sebab perlu persetujuan 14 jabatan dan agensi kerajaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2024	SINAR HARIAN	NEGERI	27

# Lima lembu terbiar dilelong RM11,700

Tindakan dilakukan selepas pemilik haiwan ternakan itu gagal jelaskan kompaun

Oleh NOR FARHANA YA ACOB  
JASIN

alias Perbandaran Jasin (MPJ) berjaya melelong lima ekor lembu termasuk seekor betina yang terbiar pada 13 Januari lalu dengan jumlah bidaan keseluruhan RM11,700.

Exco Kemaluan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dr Muhammad Akmal Saleh berkata, proses lelongan itu dilakukan selepas mendapati pemilik lembu tidak menjelaskan

bayaran kompaun sebanyak RM1,000 kepada setiap ekor lembu. Menurutnya, individu terabit turut meminta pengurangan jumlah kompaun, namun dalam hal ini pihaknya tidak akan berkompromi sehingga gatal lima ekor lembu itu tidak dituntut pemiliknya dalam tempoh diterapkan. Katanya, pada proses lelongan tersebut lembu paling tertinggi dibida dengan harga RM3,500 seekor manakala terendah berharga RM1,600.

“Bila kehilangan nyawa tiada seorang pun pemilik ternakan mengaku bahawa itu adalah lembu mereka dan ambil tanggungjawab.”



“Kerajaan negeri bertegas akan jalan-jalan operasi menangkap lembu-lembu terbiar ini dan kompaun tidak akan dikurangkan walaupun 10 sen,” katanya selesa menyaksikan proses lelongan lima ekor lembu di Pejabat Pembangunan Pertanian Melaka di Semujuk, Melaka pada Khamis.

Pertanian Melaka Sdn Bhd, Azhar Mohamed. Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau berkata, pihaknya telah merujuk kepada Mufti negeri,

Datuk Abdul Halim Tawil sebelum proses lelongan dan haiwan ternakan itu sah untuk dimakan mahupun dijadikan lembu korban.

Muhammad Akmal berkata, jika sebelum ini mereka boleh mengambil temeh berkenaan isu lembu terbiar hingga berlakunya kehilangan nyawa akibat kelalangan, namun kali ini tidak akan terlepas dari segi perundangan.

Ujarnya, sepanjang proses lelongan tidak dibenarkan campur tangan politik untuk melepaskan lembu yang telah di tangkap atau pengurangan kompaun supaya penternak ini benar-benar manganambil sikap tanggungjawab dan menjelaskan denda dikenakan.

Pada 13 Januari lalu, Muhammad Akmal bersama pegawai kuasa MPJ melakukan tangkapan lembu terbiar di sebuah ladang sawit dengan menggunakan ubat pelai seperti yang disarankan Jabatan Veterinar Melaka.



Muhammad Akmal (tengah) ketika meninjau lima ekor lembu yang akan dilelong di kandang milik Pertanian Melaka di Semujuk, Merlimau pada Khamis.

Pertanian Melaka Sdn Bhd, Muhammad Zahiruddin Mohd Zahari dan Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Pembangunan

Merlimau berkata, pihaknya telah merujuk kepada Mufti negeri,

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
	SINAR	NEGERI	SURAT
26/1/2024	HARIAN		27

## Penternak mahu kerjaan pertimbang naikkan harga ayam

**SHAH ALAM** - Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan berharap harga ayam di pasaran dapat dinaikkan berikutnya dengan tarif air di seluruh negara bermula 1 Februari ini.

Kenalikan harga ayam wajar diperlukan kerana kenaikan kos utiliti itu akan menyebabkan kenaikan kos pengeluaran sumber makaran tersebut daripada 40 sen kepada 48 sen seekor. Pengerusinya, Dr Nasiman Separ turut berkata, ketika ini kos utiliti adalah sebanyak 7.2 peratus berbanding pengeluaran ayam RM6.53 sekilogram seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bakal meningkat antara 11 hingga 20 peratus.

“Jika tiada kenaikan, penternak akan berterusan berdepan tekanan yang ketika ini pun menghadapi penetapan harga da-

ri pada pembekal sekitar RM5.80 hingga RM5.90 sekilogram.

“Jadi, kami berharap harga ayam di pasaran boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram supaya penternak boleh menarik nafas bagi menghadapi peningkatan kos dengan memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2 sekilogram,” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan persatuan penternak termasuk Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS) di sebuah hotel di Seksyen 14, di sini pada Khamis.

Beliau berkata, ketika ini penternak perlu meranggung kos utiliti termasuk bilai dan elektrik sekitar RM9,000 hingga RM10,000 bergantung kepada saiz sebuah reban.



Nasiman (tiga dari kiri) ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan persatuan penternak di sebuah hotel di Shah Alam pada Khamis.

# Hasil laut Terengganu meningkat ketara

Oleh NOR HAZWANI NOH

KUALA TERENGGANU: Pendataan tangkapan hasil laut di Terengganu meningkat ketara bagi tahun 2023 bagi pantai Zon A.

Pengerusi Jawatankuasa Perikanan, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, pada 2023 kawasan Zon A mencatat jumlah hasil tangkapan sebanyak 25,690.20 tan metrik berbanding sebelumnya 17,908.30 tan metrik.

Katanya kawasan Zon A dalam jarak 5 batu nautika dari pantai. "Kerajaan negeri memberi tumpuan program nemperkayaan sumber perikanan dengan program melabuhkan tukun dan unjam," katanya di sini.

Status perikanan tangkapan marin di Terengganu pada 2022 melibatkan zon A, B, C, C2 berjumlah 33,693.18 tan metrik, jumlah itu meningkat sehingga 46,643.02 tan metrik pada 2023,

loh dan Setiu.

Katanya peruntukan sebanyak RM1 juta disediakan kerajaan negeri bagi menambah tukun tiruan. Di daerah Kuala Terengganu sebanyak 14 unit tukun tiruan kuboid dilabuhkan.



Dr Azman Ibrahim menuai tiram yang ditemui di Sungai Merchang, Marang.